

Ekonomi Malaysia di kedudukan kedua, selepas Singapura

KUALA LUMPUR 27 Sept. - Laporan Daya Saing Global 2016-2017 menunjukkan ekonomi Malaysia antara yang berdaya saing dalam kalangan negara membangun di Asia apabila berada pada kedudukan kedua, di belakang Singapura dalam kalangan sembilan negara ASEAN.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, dalam kalangan 27 negara Asia Pasifik pula, ekonomi negara berada di kedudukan ketujuh iaitu mendahului Republik Korea, China, Thailand dan Azerbaijan.

Walau bagaimanapun katanya, kedudukan ekonomi Malaysia

menurun pada kedudukan ke-25 daripada 138 negara dengan skor 5.16, namun kekal berada dalam kalangan 20 peratus negara teratas paling berdaya saing iaitu mendahului Republik Korea (ke-26), Iceland (ke-27) dan China (ke-28).

“Pelbagai faktor lain di luar kawalan pembuat dasar antara yang memberi kesan kepada penurunan kedudukan ekonomi Malaysia termasuk ketidaktentuan ekonomi global, pengukuhan mata wang Amerika Syarikat, kejatuhan nilai komoditi dan kelembapan ekonomi China,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

KEDUDUKAN EKONOMI MALAYSIA

ASEAN



ASIA PASIFIK

